

Ruj. Kami: (8.00)(01.00)96/1-3/(58)

Tarikh : 25 Oktober 1996

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

PERMOHONAN PEMBAYARAN DI BAWAH ARAHAN
PERBENDAHARAAN 58(a)

Adalah saya dengan hormatnya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Perbendaharaan Malaysia Sabah sejak kebelakangan ini banyak menerima permohonan pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a). Berdasarkan daripada penelitian yang dibuat, pihak kami antaranya mendapati:

- 2.1. Permohonan-permohonan yang diterima bukan sahaja untuk bayaran bagi perbelanjaan yang dilakukan pada tahun sebelumnya tetapi juga melibatkan perbelanjaan bagi beberapa tahun sebelumnya.
- 2.2. Sesetengah jabatan walaupun tidak mempunyai peruntukan atau peruntukan tidak mencukupi, perbelanjaan masih juga dilakukan. Ini menyebabkan bayaran ke atas perbelanjaan tersebut tidak boleh dibuat dalam tahun berkenaan.
- 2.3. Permohonan yang dikemukakan tidak lengkap dan teratur, yang menyebabkan permohonan tidak dapat diproses dan terpaksa dikuiiri. Ini menyebabkan lagi kelewatan pembayaran ke atas bil-bil tersebut. Sebagai contoh pada kebiasaannya, Sijil Arahan Perbendaharaan 58(a) dan dokumen sokongan tidak dikemukakan serta alasan kelewatan mengemukakan pembayaran tidak dijelaskan dengan memuaskan dan munasabah.

3. Perbendaharaan Malavsia Sabah memandang serius di atas tindakan Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan yang tidak mematuhi tatacara kewangan yang sedang berkuatkuasa. Sekiranya pejabat ini menerima alasan atas sebab tersalah pandang, kecuaiian atau kesibukan sehingga menyebabkan kelewatan pembayaran berlaku, pejabat ini tidak akan teragak-agak untuk mengesyorkan tindakan surcaj ke atas pegawai yang bertanggungjawab.


4. Sehubungan dengan ini, pihak Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan diminta supaya mengambil tindakan segera ke atas semua proses pembayaran. Selain daripada itu, pihak Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan juga diminta supaya sentiasa mematuhi tatacara kewangan yang sedang berkuatkuasa dan menyediakan perancangan yang lebih teliti bagi memastikan peruntukan mencukupi untuk setiap perbelanjaan yang dilakukan.

Kerjasama daripada pihak Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan mengenai perkara ini amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,



(ABDUL AZIZ BIN MOHD-ALI)
Pegawai Kewangan Persekutuan, Sabah.